



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 2 JANUARI 2021

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini bilangan kes sembuh COVID-19 adalah sebanyak **3,321 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah sebanyak **94,492 kes** (80.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Pada hari ini, 2 Januari 2021, Malaysia telah merekodkan kes harian baharu sebanyak 2,295 kes. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia sebanyak **117,373 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 22,398 kes**. Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat sembilan (9) kes import yang mendapat jangkitan dari

luar negara manakala penularan COVID-19 dalam negara pula adalah sebanyak 2,286 kes.

Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **638 kes (27.8 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **496 kes (77.7 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Johor sebanyak **580 kes (25.3 peratus)** dan Pulau Pinang sebanyak **288 kes (12.5 peratus)**.

Sebanyak **135 kes (5.9 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di lokap, depot tahanan imigresen, dan penjara yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (109 kes), Kluster Tembok Gajah (14 kes), Kluster Kolam Air (3 kes), Kluster Tembok (3 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (3 kes), Kluster Tembok Mempaga (2 kes) dan Kluster Tembok Choh (1 kes).

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

Sehingga kini, terdapat **125 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **51 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan **sembilan (9) kes** kematian COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **483 kes (0.41 peratus daripada jumlah keseluruhan kes)**.

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital/ Tempat Kematian	Latar Belakang
475	90455	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	73	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, <i>benign prostatic hyperplasia</i> , katarak, dan glaukoma
476	97077	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	67	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit darah tinggi, kanser, dan dislipidemia
477	101095	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	41	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, dan obesiti
478	112584	Perak	Lelaki (WN)	82	Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh	Penyakit <i>Chronic Obstructive Airway</i>

						<i>Disease, demensia, dan masalah pendengaran</i>
479	113247	Sabah	Perempuan (WN)	65	Hospital Duchess of Kent Sandakan	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
480	114024	Selangor	Lelaki (WN)	76	Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan strok
481	114025	Selangor	Lelaki (WN)	66	Hospital Ampang	Penyakit tuberculosis.
482	114536	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	72	Hospital Tuanku Ja'afar Seremban	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
483	115055	Kelantan	Lelaki (WN)	72	Hospital Raja Perempuan Zainab II	Penyakit kencing manis, jantung, buah pinggang, <i>Chronic Obstructive Airway Disease</i> , dan <i>Peripheral Vascular Disease</i>

*WN merujuk kepada warganegara.

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Sehingga 2 Januari 2021, terdapat sebanyak **523 kluster** telah dilaporkan termasuk **sembilan (9) kluster baharu** pada hari ini. Jumlah kluster yang telah tamat pula adalah sebanyak **294 kluster** termasuk empat (4) kluster yang tamat pada hari ini iaitu Kluster Seri Wangsa, Kluster Batu Lima, Kluster OAD dan Kluster Kasah. Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak **229 kluster**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **45 kluster** melaporkan pertambahan kes pada hari ini. Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah **Kluster Harum (206 kes)**, **Kluster Bukit Pasir (174 kes)** dan **Kluster Tapak Bina Lebu (137 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **sembilan (9)** kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER HARUM

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di negeri Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 2 Januari 2021 melalui saringan bersasar di tempat kerja. Sehingga 2 Januari 2021, sejumlah 435 individu

telah disaring, di mana **206 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER TAPAK BINA CASUARINA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Sepang dan Petaling di negeri Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 27 Disember 2020 melalui saringan bersasar di tempat kerja. Sehingga 2 Januari 2021, sejumlah 289 individu telah disaring, di mana **53 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER BATU LAPAN

Kluster ini melibatkan daerah Tambunan, Ranau dan Kota Belud di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-101678) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 26 Disember 2020 melalui saringan kontak rapat. Sehingga 2 Januari 2021, sejumlah 341 individu telah disaring, di mana **52 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER JALAN BBN

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Seremban di Negeri Sembilan. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif

COVID-19 bermula pada 18 Disember 2020 melalui saringan bersasar di tempat kerja. Sehingga 2 Januari 2021, sejumlah 63 individu telah disaring, di mana **27 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER DEWANI

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 2 Januari 2021 melalui saringan bersasar di tempat kerja. Sehingga 2 Januari 2021, sejumlah 147 individu telah disaring, di mana **25 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. KLUSTER RENGAM

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling, Sepang dan Klang di negeri Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 29 Disember 2020 melalui saringan bersasar di tempat kerja. Sehingga 2 Januari 2021, sejumlah 1,000 individu telah disaring, di mana **20 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

7. KLUSTER BELUKAR

Kluster ini melibatkan daerah Machang di negeri Kelantan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-103887) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 26 Disember 2020 melalui saringan individu dari kawasan berisiko tinggi. Sehingga 2 Januari 2021, sejumlah 194 individu telah disaring, di mana **17 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

8. KLUSTER KOLAM PERMAI

Kluster ini melibatkan daerah Kuala Terengganu dan Kemaman di Terengganu serta daerah Petaling di Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-109314) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 30 Disember 2020 melalui saringan individu bergejala. Sehingga 2 Januari 2021, sejumlah 93 individu telah disaring, di mana **sembilan (9) kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

9. KLUSTER MADOR

Kluster ini melibatkan daerah Meradong dan Sibu di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-110418) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 30 Disember 2020 melalui saringan individu dari kawasan berisiko tinggi. Sehingga 2 Januari 2021,

sejumlah 322 individu telah disaring, di mana **lapan (8) kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

2 Januari 2021 @ 6.00 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 2 JANUARI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	259	37,553
SELANGOR	638 (2)	33,807
WP KUALA LUMPUR	156 (6)	14,102
NEGERI SEMBILAN	131	8,010
JOHOR	580	6,426
PULAU PINANG	288	4,002
PERAK	12 (1)	3,258
KEDAH	47	3,091
WP LABUAN	1	1,705
PAHANG	29	1,410
MELAKA	95	1,343
SARAWAK	5	1,130
KELANTAN	26	837
TERENGGANU	16	355
WP PUTRAJAYA	12	298
PERLIS	0	46
JUMLAH KESELURUHAN	2,295 (9)	117,373

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Perincian 2,295 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 2 Januari 2021 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 638 kes**

- 284 kes daripada kluster-kluster, termasuk 60 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Renggam** dan **Kluster Tapak Bina Casuarina**;
- 212 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Dua (2) kes import dari luar negara; dan
- 140 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 580 kes**

- 431 kes daripada kluster-kluster, termasuk 231 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Dewani** dan **Kluster Harum**;
- 76 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 73 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 288 kes**

- 82 kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- 13 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 193 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Sabah: 259 kes**
 - 15 kes daripada kluster-kluster, termasuk empat (4) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Batu Lapan**;
 - 165 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 79 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 156 kes**
 - 10 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 69 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Enam (6) kes import dari luar negara; dan
 - 71 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Negeri Sembilan: 131 kes**
 - 86 kes daripada kluster-kluster, termasuk 16 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan BBN**;
 - 32 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 13 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 95 kes**
 - 88 kes daripada kluster sedia ada;
 - Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 47 kes**
 - 37 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Tujuh (7) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: 29 kes**
 - 21 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Tujuh (7) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: 26 kes**
 - 17 kes daripada kluster-kluster, termasuk tujuh (7) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Belukar**;
 - Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu: 16 kes**
 - Tiga (3) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Kolam Permai**;
 - 12 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 12 kes**
 - Tiga (3) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Satu (1) kes import dari luar negara; dan
 - Lima (5) kes lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: 12 kes**
 - Sembilan (9) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tiga (3) kes lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: Lima (5) kes**
 - Empat (4) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Mador**; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: Satu (1) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.